

(FOTO ZURKHADE ZURKHADE)



Dr Norizan (enam dari kiri) bersama peserta program Sidang Meja Bulat Pusat Kepimpinan Wanita Tun Fatimah Hashim, UKM bertemakan Isu Wanita di Peringkat Antarabangsa di Bangi, semalam.

Wanita dapat peluang sama rata

➔ Peningkatan berterusan peringkat pembuat dasar, perjawatan tinggi

Oleh Nor Hatina Shuib
hatina@bh.com.my

► Bangi

Wanita negara ini sentiasa diberi peluang sama rata mencakupi semua bidang kerjaya dan aspek kehidupan, selain berpeluang menempatkan diri dalam pelbagai program bermanfaat disediakan kerajaan.

Pengarah Pusat Kepimpinan Wanita Tun Fatimah Hashim Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datin Dr Norizan Abdul Razak, berkata isu diskriminasi wanita di negara ini semakin berkurangan kerana mereka antara golongan utama diberi perhatian khusus oleh kerajaan.

Katanya, Malaysia baru-baru ini berjaya meyakinkan perwakilan yang menghadiri Konvensyen Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) Ke-69 di United Geneva, Switzerland, bahawa golongan itu mendapat layanan sama rata dalam pelbagai aspek kehidupan.

"Walaupun ada perwakilan konvensyen membangkitkan isu dis-

kriminasi wanita seperti cuti bersalin, keganasan wanita, keseimbangan kerjaya sehingga kepada kurangnya pembabitian mereka dalam politik, kita berjaya menjawab persoalan disuarakan.

"Saya juga yakin banyak kejayaan sudah dilakar wanita di negara ini sama ada pada peringkat pembuat keputusan apabila ramai wanita sudah menjadi pengarah dan pemimpin organisasi besar di negara ini menerusi inisiatif ditawarkan kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian pada Sidang Meja Bulat Pusat Kepimpinan Wanita Tun Fatimah Hashim (PKWTFH), UKM bertemakan 'Isu Wanita Di Peringkat Antarabangsa' di Bangunan Canselor, UKM, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan PKWTFH, Prof Madya Dr Jamaluddin Aziz dan wakil dari pelbagai universiti.

Bincang isu wanita

Program itu bertujuan membincangkan isu wanita pada peringkat antarabangsa dan kaedah berkesan mengatasinya menerusi pendidikan, pengalaman dan penyelesaian isu secara efektif.

Beliau berkata, usaha kerajaan memperkasakan wanita di negara ini menerusi galakan 30 peratus wanita berada pada peringkat pembuat keputusan dan kepimpinan menjelaskan golongan itu sudah maju dalam pelbagai sektor penting.

Norizan berkata, Malaysia berjaya membenteng laporan berkala ketiga hingga lima untuk CEDAW dengan menyaksikan peningkatan

berterusan wanita di negara ini dalam menyertai pelbagai bidang pekerjaan dan perjawatan tinggi yang menunjukkan golongan terabit tidak pernah atau menjadi mangsa diskriminasi dan eksploitasi.

"Dari segi pemeraksanaan dalam pendidikan misalnya, wanita negara kini lebih progresif dengan kadar literasi sebanyak 96.3 peratus, berbanding 97 peratus lelaki.

"Bagi pemeraksanaan wanita dalam politik di Dewan Negara dan peringkat parlimen pula, saya bagaimanapun berharap peningkatan lebih ramai golongan wanita, termasuk kaum minoriti seperti Orang Asli dan orang kurang upaya (OKU) menempatkan diri dalam bidang politik dan berada pada peringkat Parlimen untuk menjadi pemimpin.

"Ini supaya lebih ramai golongan ini dapat menyuarakan dan memperjuangkan nasib mereka supaya didengari kerajaan.

"Golongan seperti ini turut mempunyai hak dan suara untuk didengari, jadi mereka perlu menampilkan diri untuk memperjuangkan golongan masing-masing," katanya.

Pada masa sama, beliau turut menyarankan wanita berpendidikan tinggi di negara ini untuk memperkasakan diri menerusi pembabitian sebagai pemimpin di organisasi mereka bekerja dan di peringkat pengurusan tertinggi.

"Ramai wanita kini berpendidikan tinggi tetapi tidak merebut peluang untuk menjadi pemimpin dan pembuat keputusan pada peringkat tertinggi.

Info

Konvensyen Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW)

- ➔ Delegasi diketuai Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Suriani Ahmad yang hadir bersama 17 wakil Malaysia dalam pelbagai bidang itu
- ➔ Konvensyen Ke-69 di United Geneva, Switzerland
- ➔ Diadakan empat tahun sekali

"Sebanyak 64 peratus wanita kini berada di universiti dan kita sudah melahirkan ramai wanita berjaya tetapi masih kurang menyerlah sebagai pemimpin.

Tingkat pembabitian dalam politik

"Di bidang pekerjaan pula ramai wanita ini meninggalkan pekerjaan separuh jalan atas pelbagai faktor. Jadi, ia satu kerugian kepada negara dan kita perlu mencari kaedah terbaik dalam penyelesaian ini," katanya.

Norizan berkata, walaupun pembabitian kepemimpinan wanita dalam politik masih rendah, pelbagai usaha dijalankan untuk menambahkan calon dan usaha membimbing lebih ramai pemimpin pelapis juga giat dilakukan ketika ini.

"Walaupun, kini lebih ramai wanita memegang jawatan penting negara dalam sektor awam dan swasta, termasuk sebagai ahli lembaga pengarah, ketua pegawai eksekutif, ia perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa," katanya.

Beliau berkata, PKWTFH akan terus menjadi saluran kepada semua organisasi, termasuk universiti di negara ini untuk menyuarakan dan membuat penyelidikan berkenaan isu wanita di negara ini.

"Hasil daripada isu dibangkitkan persidangan antarabangsa itu, saya berharap ahli akademik di semua universiti di negara ini komited bersama-sama berusaha mengumpul data dan membuat penyelidikan secara menyeluruh dalam menangani isu wanita," katanya.